

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Rabu, 26 April 2017 11:20 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Suhaimi bin Ismail
Subject: KELAB PERMATA UUM ONLINE: BAKTI SISWA "SEUTUS KASIH SEERAT JALINAN"



26 APRIL 2017, RABU | 29 REJAB 1438H



KELAB PERMATA UUM ONLINE: Seramai 40 orang mahasiswa terlibat dalam Program Bakti Siswa (BAKSIS) yang diadakan di Kampung Hujung 30, Pendang, Kedah anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu Universiti Utara Malaysia (PERMATA UUM) pada 30 Mac hingga 1 April 2017 yang lalu.

Seramai 15 keluarga angkat dipilih untuk menyertai program yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Pendang, Dato' Wira Othman bin Abdul dan mendapat kerjasama baik dari Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Hujung 30 dan kampung di sekitarnya.

Program BAKSIS diadakan bertujuan untuk membina ukhwah antara pelajar UUM dengan penduduk kampung, di samping membangunkan sahsiah diri pelajar dengan penerapan ilmu teori dan praktikal sekali gus membentuk modal insan yang holistik dan mempunyai personaliti unggul dalam mencurahkan bakti kepada masyarakat.

Menurut Penasihat PERMATA, Suhaimi Ismail berkata pelajar perlu didedahkan dengan dunia realiti di samping pembelajaran di dalam kelas. Menurutnya lagi, program ini dapat memberi kesedaran bahawa pentingnya tanggungjawab dan peranan mahasiswa untuk menabur bakti kepada masyarakat setempat.

Melalui program ini, mahasiswa berpeluang untuk tinggal bersama keluarga angkat mereka dan melakukan pelbagai aktiviti antaranya menyertai kempen kesihatan yang dianjurkan oleh Klinik Kesihatan Pendang, gotong-royong membersihkan masjid, malam kebudayaan dan penyampaian sumbangan kepada keluarga angkat masing-masing.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

